

Pelan komprehensif tangani isu doktor kontrak

UM - 24/7/2021 mtd: 3

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

maisarah.rahim@mediamulja.com.my

PUTRAJAYA: Perdana Menteri mengumumkan pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi lantikan kontrak ditawarkan pelantikan secara kontrak untuk tempoh dua tahun selepas melengkapkan tempoh khidmat wajib bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan dan persediaan untuk mengikut pengajian kepakaran.

Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, keputusan yang dipersetujui Kabinet itu sebagai langkah penyelesaian segera termasuk melanjutkan pelantikan secara kontrak untuk tempoh maksimum empat tahun.

Menurut beliau, langkah itu bagi memastikan pegawai-pegawai berkenaan berjaya melengkapkan pengajian kepakaran masing-masing.

Beliau menjelaskan, Kementerian Kesihatan membentangkan satu kertas cadangan kepada Mesyuarat Kabinet pada 14 Julai lalu berhubung penambahbaikan kumpulan pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi lantikan kontrak.



MUHYIDDIN YASSIN

“Kerajaan amat memahami tuntutan kumpulan petugas kesihatan berstatus kontrak ini dan sedar sumbangan dan peranan mereka sebagai barisan hadapan adalah amat penting dalam memberikan perkhidmatan kesihatan terbaik kepada rakyat terutamanya dalam situasi pandemik Covid-19.

“Bagi memastikan perkara ini diberikan perhatian penuh dan ditangani secara menyeluruh serta lebih berkesan, saya telah mengarahkan Kemente-

rian Kesihatan dan kementerian serta agensi yang berkaitan merangka sebuah pelan komprehensif dan inklusif merangkumi tindakan segera, pelan jangka pendek sederhana dan pelan jangka panjang,” katanya dalam kenyataan semalam.

Muhyiddin berkata, Kabinet turut memahami kebimbangan dan masalah yang dihadapi kumpulan pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi lantikan kontrak berhubung kesetaraan laluan kerjaya mereka.

Justeru, kata beliau, bagi memastikan laluan kerjaya setara dan adil, Kabinet bersetuju agar pelantikan secara kontrak diuruskan mengikut kesetaraan kerjaya pegawai tetap dan ditawarkan Cuti Belajar Bergaji Penuh serta tajaan pengajian setara dengan cuti belajar bergaji penuh dan Hadiah Latihan Persekutuan.

Beliau menjelaskan, antara persetujuan lain yang turut dicapai adalah menambah baik kemudahan atau faedah yang ditawarkan kepada pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi lantikan kontrak seperti Cuti Tugas Khas Perubatan, Cuti Tibi dan kemudahan tambang mengunjungi

wilayah asal.

“Keputusan-keputusan ini juga akan memberi ruang kepada kerajaan memuktamadkan kajian reformasi sistem kesihatan yang sedang dilaksanakan, meneliti ketetapan sedia ada dalam Akta Perubatan 1971 dan merangka hala tuju jangka panjang bagi perkhidmatan perubatan.

“Kerajaan amat menghargai sumbangan para doktor sebagai barisan hadapan dalam berhadapan perang Covid-19 dan kerajaan terus komited memastikan kebajikan dan laluan kerjaya pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi lantikan kontrak diberikan perhatian sewajarnya serta bersifat adil,” katanya.

Sebelum ini, sekumpulan doktor kontrak yang berkhidmat dengan kerajaan mahu meneruskan rancangan mereka untuk mengadakan hartal pada 26 Julai ini selepas Putrajaya belum menyatakan sebarang tawaran bagi mengatasi masalah dihadapi mereka.

Sejak 2016, seramai 786 pegawai perubatan sahaja dilantik secara tetap manakala selebihnya berkhidmat secara kontrak.